



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 25-27 Mac 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Institusi Keluarga Perlu Main Peranan Kekang Pertambahan Gelandangan – TPM</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/25/institusi-keluarga-perlu-main-peranan-kekang-pertambahan-gelandangan-tpm/</p>	Malaysia Gazette	Neutral
2	<p>Bayi Mati Selepas Lahir, Hospital Swasta Diarah Bayar RM700,000</p> <p>https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tepmatan/2023/03/24/bayi-mati-selepas-lahir-hospital-swasta-diarah-bayar-rm700000/</p>	FMT	Neutral
3	<p>Pengemis Tak Malu Heret Bayi, Tidur Tepi Jalan</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/25/pengemis-tak-malu-heret-bayi-tidur-tepi-jalan/</p>	Kosmo	Neutral

	https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/03/24/bayimati-selepas-lahir-hospital-swasta-diarah-bayar-rm700000/	Warta Rakyat	
4	<p>Dapatan Kajian Semakan Akta Pengemis Selesai September Ini - Nancy</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dapatan-kajian-semakan-akta-pengemis-selesai-september-ini-nancy-412516?amp=1</p> <p>https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/25/nancy-shukri-findings-of-review-of-destitute-persons-act-to-complete-in-september/61520</p> <p>https://www.theborneopost.com/2023/03/25/nancy-findings-of-review-of-destitute-persons-act-1977-to-be-completed-in-sept/</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/s/434746</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/25/akta-orang-orang-papa-1977-dikaji-untuk-dipinda-dato-sri-nancy-shukri/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2176213</p> <p>https://www.thesundaily.my/home/dapatan-kajian-semakan-akta-pengemis-selesai-september-ini-nancy-KP10792923</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tepatan/2023/03/25/kajian-semakan-akta-pengemis-selesai-september-kata-menteri/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/251398</p> <p>https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/25/nancy-shukri-findings-of-review-of-destitute-persons-act-to-complete-in-september/61520</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Malay Mail</p> <p>The Borneo Post</p> <p>The Malaysia Insight</p> <p>TVSTV</p> <p>Bernamea</p> <p>The Sun Daily</p> <p>FMT</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malay Mail</p>	Neutral

	https://dayakdaily.com/minister-findings-of-review-to-improve-destitute-persons-act-1977-expected-to-complete-by-sept/	Dayak Daily	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/26/review-of-destitute-law-ready-in-september	The Star	
5	Warga Emas Mengesot Terima Kerusi Roda https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/251372	Sinar Harian	Neutral
6	KM Melaka Pantau Aktiviti Mengemis, Minta Sedekah Di Pasar Ramadan https://www.melakahariini.my/jkm-melaka-pantau-aktiviti-mengemis-minta-sedekah-di-pasar-ramadan/	Melaka Hari ini	Neutral
7	Tiga Beradik Dijumpai Tidak Bermaya, Dua Dirantai Pada Kaki https://selangorkini.my/2023/03/tiga-beradik-dijumpai-tidak-bermaya-dua-dirantai-pada-kaki/ https://majoriti.com.my/berita/2023/03/25/remaja-3-beradik-dirantai-kaki-ditemui-tidak-bermaya-2-termasuk-ibu-ditahan-di-kangar http://www.bharian.com.my/node/1081636/amp https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/03/94954/0/3-remaja-dijumpa-tak-bermaya-2-dirantai-pada-kaki https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-beradik-dirantai-kaki-dua-termasuk-ibu-mangsa-ditahan-412478?amp=1	Selangor Kini Majoriti Berita Harian Harian Metro Astro Awani	Negatif
8	'Mujur Bayi Saya Tak Tercampak' https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1081760/mujur-bayi-saya-tak-tercampak	Berita Harian	Neutral
9	JKM Perlu Nilai Laporan Pihak Berkuasa Sebelum Tempatkan 3 Beradik Didera, Kata Menteri https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/434918		Neutral

<p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/03/26/nancy-shukri-social-welfare-dept-needs-to-assess-reports-from-authorities-before-helping-alleged-abuse-victims/61631</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/26/welfare-dept-waiting-for-police-hospital-reports-on-chained-boys/</p> <p>https://www.sinardaily.my/article/192745/malaysia/nasional/swd-needs-to-assess-reports-from-authorities-before-helping-allegedly-abused-victims---nancy</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/27/ministry-to-assess-reports-before-helping-brothers</p> <p>https://www.thevibes.com/articles/news/88886/swd-to-assess-police-probe-hospital-report-on-three-abused-brothers</p> <p>https://headtopics.com/my/nancy-shukri-social-welfare-dept-needs-to-assess-reports-from-authorities-before-helping-alleged-ab-37156244</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/949883/tunggu-hasil-siasatan-untuk-tentukan-nasib-remaja-kaki-berantai-metrotv</p> <p>https://www.melakahariini.my/jkm-perlu-nilai-laporan-pihak-berkuasa-sebelum-tempatkan-tiga-beradik-didera-nancy/</p> <p>IfW4kw">https://newswav.com/article/nancy-shukri-social-welfare-dept-needs-to-assess-reports-from-authorities-b-A2303>IfW4kw</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-putuskan-penjagaan-tiga-beradik-mangsa-dera-selepas-siasatan-polis/</p>	<p>The Malaysian Insight</p> <p>Malay Mail</p> <p>FMT</p> <p>Sinar Daily</p> <p>The Star</p> <p>The Vibes</p> <p>Head Topics</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaka Hari Ini</p> <p>News Wav</p> <p>Buletin TV3</p>	
---	---	--

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/251512/berita/nasional/jkm-akan-nilai-laporan-sebelum-tempatkan-3-beradik-didera</p> <p>https://www.astroawani.com/video-malaysia/jkm-tunggu-laporan-polis-hospital-2015732</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1082067/jkm-perlis-bertindak-pantas-hantar-mangsa-dera-ke-hospital</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=4gwkqXr0rC4</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/26/jkm-tunggu-siasatan-polis-selesai-sebelum-ambil-tindakan-bantu-3-beradik/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/26/jkm-perlu-nilai-laporan-pihak-berkuasa-sebelum-tempatkan-tiga-beradik-didera</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>TVSTV</p> <p>Utusan Borneo</p>	
10	<p>JKM Ambil Tindakan Awal Bantu Remaja Jaga Ibu Terlantar Sakit</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/26/jkm-ambil-tindakan-awal-bantu-remaja-jaga-ibu-terlantar-sakit/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60241-remaja-perempuan-mangsa-penderaan-seksual-ibu-ditempatkan-di-rumah-perlindungan</p>	<p>TVSTV</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral
11	<p>Hanya Dua Daripada Tiga Mangsa Dera Di Perlis Bersekolah – Fadhlina</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/26/hanya-dua-daripada-tiga-mangsa-dera-di-perlis-bersekolah-fadhlina/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/26/2-daripada-3-beradik-dirantai-masih-bersekolah-kata-menteri/</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>FMT</p>	Neutral
12	<p>Warga Asing Cabul Remaja, Sempat Beri Wang RM50</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/26/warga-asing-peluk-cabul-kanak-kanak-dalam-bilik-mangsa-ditahan/</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral

13	<p>Kanak-Kanak Lelaki Cedera Tersepit Pintu Lif</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251533/berita/s emasa/kanak-kanak-lelaki-cedera-tersepit-pintu-lif</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/26/kanak-kanak-18-bulan-tersepit-pintu-lif-rosak/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/26/kanak-kanak-lelaki-tersepit-di-lubang-pintu-lif/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=NMDEHIRXLIM</p>	<p>Sinar harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
14	<p>‘Adik Tak Pernah Pukul’, Dakwa Kakak Wanita Rantai 2 Anak OKU</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/26/adik-tak-pernah-pukul-dakwa-kakak-wanita-rantai-2-anak-oku/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rantai-kaki-anak-kakak-suspek-dakwa-tiada-unsur-dera-adik-ibu-penyayang-412602</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/03/26/3-beradik-tak-pernah-dipukul-oleh-ibu-mereka-ibu-saudara/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251489/berita/s emasa/tiga-beradik-dirantai-kerana-bimbang-keselamatan</p>	<p>FMT</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
15	<p>Warga Emas Mahu Tebus Mercedes Benz Rugi Hampir RM40,000</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251444/berita/s emasa/warga-emas-mahu-tebus-mercedes-benz-rugi-hampir-rm40000</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1081867/warga-emas-ditipu-love-scam-rugi-hampir-rm40000</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/rugi-lebih-rm40000-warga-emas-terpedaya-love-scam/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
16	<p>Warga Emas Derita Kanser Payu Dara Tahap Empat</p>		Neutral

	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/03/warga-emas-derita-kanser-payu-dara-tahap-empat/	Utusan	
	https://www.malay.news/warga-emas-derita-kanser-payu-dara-tahap-empat/	Malay News	
17	Warga Emas Maut Ditikam, Pergaduhan Di Inap Desa https://www.edisi9.com.my/2023/03/warga-emas-maut-ditikam-pergaduhan-di-inap-des/	Edisi 9	Neutral
18	Jual Minyak Wangi Di Kaki Lima Demi Menyara Tujuh Anak https://www.buletintv3.my/nasional/jual-minyak-wangi-di-kaki-lima-demi-menysara-tujuh-anak/	Buletin TV3	Neutral
19	Ikut Perut, Pecah Tabung Beli Kelengkapan Sekolah Anak [METROTV] https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/949789/ikat-perut-pecah-tabung-beli-kelengkapan-sekolah-anak-metrotv	Harian Metro	Neutral

INSTITUSI KELUARGA PERLU MAIN PERANAN KEKANG PERTAMBAHAN GELANDANGAN – TPM

<https://malaysiagazette.com/2023/03/25/institusi-keluarga-perlu-main-peranan-kekang-pertambahan-gelandangan-tpm/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR — Trend gelandangan dalam negara tidak pernah menurun sejak dahulu lagi, namun ia tidak meningkat dengan mendadak.

Oleh itu, satu pelan jangka panjang akan dilaksanakan untuk mengekang kenaikan jumlah gelandangan di negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid.

Menurut beliau, usaha itu perlu dilakukan secara kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) serta institusi keluarga.

“Kita harus berhati-hati supaya kumpulan (gelandangan) ini tidak bertambah setiap hari. Kita mesti mencari jalan untuk menyelesaikan beberapa faktor yang menyebabkan perkara ini.

“Antara faktor terbesar ialah mereka kehilangan pekerjaan, menghadapi masalah kesihatan mental, dan sakit berpanjangan serta beberapa faktor lain. Justeru, tidak lagi bekerja secara silo, tetapi sebaliknya bekerja dengan kementerian lain dan jabatan bagi menyelesaikan masalah itu.

“Ia bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata, institusi keluarga juga jangan melepaskan tangan dan berharap kepada pihak kerajaan dan NGO sahaja. Ia tidak akan menyelesaikan masalah ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika menghadiri Program Singgah Moreh yang diadakan di Anjung Kembara Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, di sini malam tadi.



Ahmad Zahid Hamidi (tengah) diiringi Datuk Seri Johari Abdul Ghani (baju merah) Nancy Shukri (kanan) beramah mesra dengan seorang lelaki gelandangan pada Program Singgah Moreh Bersama Komuniti Gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur. Foto HAZROL ZAINAL, 24 MAC 2023.

Turut hadir menyantuni golongan kurang berkemampuan itu, Menteri Pembangunan Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Menteri Hal Ehwal Agama, Datuk Seri Dr. Mohd Naim, dan Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menambah, sehingga kini terdapat empat pusat transit gelandangan iaitu Anjung Kembara, Anjung Singgah, Anjung Kelana dan Rumah Bimbingan.

“Jumlah keseluruhan penghuni yang sudah dibantu adalah seramai 8,007 orang yang kini ditempatkan di Anjung Kembara Pusat Transit Gelandangan KL dan Anjung Singgah KL.

“Sepanjang tahun 2022, sebanyak 8,718 tindakan mengambil orang papa sudah dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara, manakala 794 tindakan dilakukan di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“Secara keseluruhannya, sebanyak 11,239 gelandangan diambil di seluruh negara dengan 2,612 di Kuala Lumpur,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menyarankan penderma, syarikat korporat dan NGO yang ingin menyalurkan bantuan seperti juadah berbuka atau persiapan menyambut hari raya menyelaraskan kepada Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN).

Ahmad Zahid berkata, ia memastikan sumbangan dapat diagihkan secara berpusat dan sistematik, selain bagi mengelakkan gejala pembaziran makanan.

“Bulan Ramadan ini kita tahu terlalu banyak yang ingin salurkan bantuan, namun ada sumbangan yang diberikan sama ada waktu sahur, berbuka mahupun moreh adakalanya berlebihan.

“Jadi saya sarankan kepada syarikat atau NGO ini yang mahu menyumbang, kita selaraskan melalui YKN, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) atau Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

“Ini kerana kita mahu supaya sumbangan itu sampai terus kepada golongan sasaran yang sebenarnya,” katanya.

Ulas beliau lagi, setiap sumbangan tunai oleh syarikat korporat, NGO atau penderma akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. - MalaysiaGazette

BAYI MATI SELEPAS LAHIR, HOSPITAL SWASTA DIARAH BAYAR RM700,000
<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/24/bayi-mati-selepas-lahir-hospital-swasta-diarah-bayar-rm700000/>

Sumber : Free Malaysia Today



KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi mengarahkan sebuah hospital swasta membayar ganti rugi RM700,000 kepada sepasang suami isteri yang kematian bayi mereka selepas dilahirkan di pusat perubatan itu tujuh tahun lalu.

Hakim Akhtar Tahir memerintahkan bayaran ganti rugi teladan RM500,000, selain RM200,000 untuk penderitaan kepada Nur Amalina Ismail dan suaminya, Syed Afi Said Merah.

Pasangan itu yang diwakili peguam Farhana Abdul Halim, turut menerima bayaran kos RM30,000.

Akhtar berkata, terdapat kelewatan melampau di pihak doktor yang merawat Nur Amalina, menyebabkan komplikasi pada bayi dalam kandungan sehingga membawa kepada kematian.

“Tiada penjelasan munasabah mengenai kelewatan ini, selain sikap tidak endah doktor terhadap tugasnya,” katanya dalam alasan bertulis yang dikeluarkan semalam.

Akhtar berkata, beliau mempertimbangkan sikap doktor itu cenderung kepada “kesemberonoan dan kecuaiian jenayah”.

“Ia sebagai pengajaran kepada profesional perubatan dalam menjalankan tugas mereka. Satu mesej jelas perlu disampaikan bahawa sikap sedemikian tidak boleh diterima, lebih-lebih lagi jika ia menyebabkan kematian,” katanya.

Keputusan lisan itu disampaikan pada 17 Jan lalu terhadap doktor itu dan Hospital Pusrawi Sdn Bhd sebagai defenden kedua.

Kedua-dua defendan yang diwakili Razlan Hadri Zulkifli dan P Tishondra, merayu kuantum itu ke Mahkamah Rayuan.

Hakim berkata, Nur Amalina mengalami kecemasan selepas air ketubannya pecah pada 6 Nov 2016 ketika berada di hospital itu untuk melahirkan anaknya.

Katanya, doktor menyerahkan kepada jururawat dan hanya melawat Nur Amalina keesokannya.


Ketika memeriksa Nur Amalina, doktor itu segera mengarahkan pembedahan kecemasan dilakukan.

Ketika dilahirkan, leher bayi itu didapati terbelit tali pusat menyebabkan bayi itu meninggal dunia sehari kemudian.

PENGEMIS TAK MALU HERET BAYI, TIDUR TEPI JALAN

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/25/pengemis-tak-malu-heret-bayi-tidur-tepi-jalan/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA – Ramadan dianggap sebagai lubuk buat pengemis kerana pada bulan inilah mereka akan membawa ahli keluarga termasuk bayi untuk meraih simpati meminta sedekah di kawasan strategik.

Presiden Pertubuhan Tindakan Wanita Islam, Datuk Munirah Abdul Hamid berkata, pengemis memang tahu selok-belok untuk meminta sedekah lebih-lebih lagi ketika Ramadan kerana ramai mahu menyumbang bagi mendapatkan pahala berganda.

Katanya, ia merupakan antara sebab pengemis asing tidak malu meminta sedekah bersama ahli keluarga masing-masing.

“Setiap kali Ramadan, aktiviti mengemis bertambah rancak di sekitar Kuala Lumpur seperti di Bukit Bintang dan Chow Kit. Bukit Bintang selalu dikunjungi pengemis warga asing.

“Ada yang memberi sehingga RM50 atas alasan sumbangan atau zakat yang disalurkan kepada pihak berkuasa tidak sampai kepada yang sepatutnya,” katanya kepada Kosmo!.

Menurut Munirah, ia merupakan tanggapan yang salah dan jangan terlalu bermurah hati kepada pengemis tersebut.

Berita berkaitan: [Jadi pengemis dapat RM8,500 sebulan](#)

Tambahnya, bersedekah di saluran betul lebih baik kerana kawasan hotspot akan dibanjiri oleh mereka yang suka mengambil kesempatan di atas kemurahan hati rakyat Malaysia.

“Ramai yang ada di situ suka berdrama dan kita jangan tertipu dengan taktik mereka. Mereka suka menarik perhatian dengan menggunakan kerusi roda, tempang dan lain-lain,” katanya.

Ujar Munirah, apa yang membimbangkan ialah tabiat segelintir rakyat Malaysia yang suka bersedekah kepada golongan itu seolah-olah menggalakan kegiatan mengemis selain menyumbang kepada sindiket dan orang tengah.

“Mereka ini sudah biasa mengemis walaupun mendapat pelbagai kemudahan dan bantuan. Kegiatan akan bertambah aktif pada waktu malam iaitu selepas berbuka puasa,” katanya.

Menurut Munirah, tindakan membawa anak kecil untuk mengemis akan menggalakkan generasi pemalas dan mengakibatkan masa depan mereka gelap.

“Anak kecil bila sudah dapat duit dengan mudah akan berfikir tidak perlu bersekolah yang akhirnya akan menyebabkan mereka ini tidak tahu membaca langsung,” katanya.

Sehubungan itu, tambahannya, masyarakat perlu tahu betapa pentingnya menyalurkan sumbangan dan zakat kepada pihak berwajib supaya wang itu dapat disalurkan secara saksama dan mereka yang benar-benar memerlukan.

DAPATAN KAJIAN SEMAKAN AKTA PENGEMIS SELESAI SEPTEMBER INI - NANCY

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dapatan-kajian-semakan-akta-pengemis-selesai-september-ini-nancy-412516?amp=1>

Sumber : Astro Awani

KUCHING: Kajian semakan bagi menambah baik Akta Orang-Orang Papa 1977 dalam usaha menangani isu pengemis dijangka selesai September ini, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mengumumkan dapatan kajian itu serta langkah seterusnya yang akan diambil bagi meminda akta tersebut.

"Sekarang masih dalam peringkat kajian... Kita juga sedang menambah baik akta berkaitan warga emas sebab itu perlu dilihat secara menyeluruh kesemua akta yang kita nak pinda itu," katanya kepada pemberita selepas Program Rahmah Ramadan bersama penghuni Desa Bina Diri (DBD) di sini hari ini.

Tahun lepas, Bernama melaporkan kajian itu, yang bermula pada Julai 2022, bakal menetapkan hala tuju berkaitan isu pengemis dan gelandangan memandangkan ketika ini tiada punca kuasa serta perundangan yang khusus dalam pengoperasian dan pengendalian golongan tersebut di Malaysia.

Nancy juga berkata pihaknya akan mempertimbang keperluan menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi mengendali penghuni DBD yang dikategori sebagai pesakit mental.

Ia berikutan statistik DBD Kuching menunjukkan bahawa setakat ini, sejumlah 63.1 peratus atau 24 penghuninya adalah pesakit mental yang mendapat rawatan susulan di Hospital Sentosa.

Selain Kuching, terdapat empat lagi institusi yang menempatkan kes orang papa termasuk pengemis iaitu DBD Mersing di Johor, DBD Jerantut (Pahang), DBD Kota Kinabalu (Sabah) dan Pusat Sehati Bina Diri Sungai Buloh (Selangor).

WARGA EMAS MENGESOT TERIMA KERUSI RODA

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/251372>

Sumber : Sinar Harian



TANAH MERAH - Seorang warga emas yang kisahnya disiarkan Sinar Harian kerana terpaksa mengesot akibat kudrat yang lemah pada usia 84 tahun di Kampung Air Cina, Batu 10, Batang Merbau di sini menerima sumbangan kerusi roda pada Jumaat.

Anak saudaranya, Yusof Che Leh, 62, berkata, Minah Mat Diah **menerima kerusi roda** itu daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Kelantan.

"Alhamdulillah, kerusi roda ini akan memudahkan pergerakannya yang sudah tidak dapat berjalan. Kami berterima kasih dan amat menghargai sumbangan itu.

Kata Yusof, kakak kepada arwah ibunya itu tidak mempunyai anak dan tinggal bersendirian selepas kematian suami pada tahun 2017.

"Saya bawa dia pindah tinggal bersebelahan dengan rumah saya sejak tiga tahun lalu dan membina sebuah bangsal dilengkapi tandas yang sesuai untuknya.

"Dia hanya ada saya dan isteri untuk menumpang kasih. Kami akan menjaganya sebaik mungkin hingga ke akhir hayat nanti," katanya.

Pada Khamis lalu, akhbar ini menyiarkan kisah Minah yang pernah dijumpai di atas jalan berhadapan rumah Yusof selepas mengesot sejauh 50 meter dari bangsalnya.

JKM MELAKA PANTAU AKTIVITI MENGEMIS, MINTA SEDEKAH DI PASAR RAMADAN

<https://www.melakahariini.my/jkm-melaka-pantau-aktiviti-mengemis-minta-sedekah-di-pasar-ramadan/>

Sumber : Melaka Hari Ini



PERINGGIT 25 Mac – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menggerakkan pasukan dari Unit Perundangan dan Advokasi (PU) bagi memantau tindakan segelintir individu yang meminta sedekah di tempat awam khususnya di pasar Ramadan.

Ia susulan, video pendek yang tular menunjukkan seorang wanita asing meminta sedekah di Pasar Ramadan Peringgit yang mengundang rasa kurang senang orang ramai.

Menerusi video itu juga, wanita terbabit mengaku sebagai warganegara Myanmar.

Pengarah JKM Melaka Burhanuddin Bachik berkata, pihaknya akan menggerakkan pasukan PU ke lokasi aduan untuk menyiasat dan mengambil tindakan dibawah bidang kuasa JKM.

“Daripada video yang tular kita dapati wanita itu adalah warga asing, mungkin Rohingya atau pemegang kad Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR).

“Untuk itu ia bukan bawah bidang kuasa JKM namun begitu pasukan PU akan digerakkan ke lokasi untuk membuat rondaan.

“Sekiranya masih ada, tindakan yang boleh diambil adalah meminta dia beredar dari lokasi dan memberi amaran supaya tidak melakukan aktiviti pengemisan atau meminta sedekah lagi,” katanya.

Menurut beliau, pihaknya juga akan berhubung dengan Jabatan Imigresen supaya tindakan lanjut boleh diambil agensi itu.

TIGA BERADIK DIJUMPAI TIDAK BERMAYA, DUA DIRANTAI PADA KAKI
<https://selangorkini.my/2023/03/tiga-beradik-dijumpai-tidak-bermaya-dua-dirantai-pada-kaki/>

Sumber : Selangor Kini

SHAH ALAM, 25 MAC: Tiga beradik berusia antara 13 hingga 16 tahun dijumpai orang awam dalam keadaan tidak bermaya sementara dua daripadanya dirantai pada kaki.

Ketua Polis daerah Kangar berkata mereka dijumpai berkeliaran di Jalan Kampung Tambun Tulang, Simpang Empat yang mana dua daripada mangsa adalah orang kurang upaya (OKU), lapor Harian Metro.

“Mangsa dipercayai dikurung dan dirantai di dalam rumah oleh ibu mereka yang tidak tinggal bersama mereka.

“Bagaimanapun, mereka enggan bercakap dan mangsa kini menjalani pemeriksaan di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar,” kata Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yuaop.

Tambah beliau, hasil keterangan awal ibu remaja berkenaan menyatakan beliau merantai mangsa kerana sikap anak-anaknya yang agak sukar dikawal.

Jelasnya lagi, semua mangsa dalam keadaan stabil dan tidak menunjukkan sebarang trauma selain akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis.

“Susulan itu kita menahan dua suspek iaitu ibu mangsa berusia 46 tahun dan seorang lelaki yang belum diketahui pertaliannya berusia 31 tahun untuk membantu siasatan.

“Kedua-dua direman selama tujuh hari bermula hari ni sehingga 31 Mac hadapan bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001,” katanya.

'MUJUR BAYI SAYA TAK TERCAMPAK'

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1081760/mujur-bayi-saya-tak-tercampak>

Sumber : Berita Harian



SETIU: Seorang wanita bersama lima anaknya termasuk bayi berusia dua bulan, bersyukur apabila terselamat selepas terbabit dalam [nahas lima kenderaan](#) di Kilometer (KM) 46 Kampung Selamat, Sungai Tong, di sini, petang tadi.

Kerani sekolah, Azima Chik, 38, dalam perjalanan selepas menghantar anak sulungnya pulang ke asrama di Sekolah Menengah Sains Setiu.

"Saya bersama lima anak dalam perjalanan pulang ke rumah di Kampung Sura Tengah, Dungun.

"Masa tiba di lokasi kejadian, saya nampak sebuah lori dari arah depan terbabas dan masuk ke laluan kami.

"Saya cuba mengelak tetapi terlanggar Perodua Axia di depan.

"Memang cemas dan saya cuma fikirkan anak-anak, mujurlah anak saya yang berusia 12 tahun memegang adiknya berusia dua bulan dan tidak tercampak," katanya yang ditemui di tempat kejadian.

Azima yang memandu Toyota Wish, berkata suaminya, Mohd Hanapi Ali, 46, tidak bersama kerana kurang sihat.

Peniaga kedai makan, Mazlan Abdul Ghani, 56, berada di rumah kedainya berhampiran lokasi kejadian sebelum mendengar dentuman.

"Saya keluar dan nampak beberapa kenderaan terbabit kemalangan tak jauh dari kedai.

"Kereta Proton Exora nampak paling teruk dan saya cuba membantu tetapi tidak dapat berbuat apa-apa, hanya menunggu pihak bomba datang mengeluarkan mangsa tersepit," katanya yang ditemui di sini, hari ini.

Mazlan berkata, ketika itu pemandu kereta Exora berkenaan dipercayai sudah meninggal dunia tetapi isterinya masih bernyawa dan meminta pertolongan.

"Apabila pihak bomba tiba, pasangan suami isteri itu disahkan meninggal dunia manakala anak mereka cedera parah dan dibawa ke hospital," katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 tengah hari itu, Faizul Azman Awang, 43, dan isterinya, Habsah Ismail, 42, meninggal dunia di tempat kejadian akibat cedera parah.

Kemalangan turut menyebabkan anak mereka, Muhammad Daniel Dzulkarnain, 13, cedera parah di muka.

JKM PERLU NILAI LAPORAN PIHAK BERKUASA SEBELUM TEMPATKAN 3 BERADIK DIDERA, KATA MENTERI

<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/434918>

Sumber : The Malaysian Insight



JABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menilai laporan siasatan polis serta hospital berhubung kes tiga beradik lelaki yang dipercayai didera di Kangar, Perlis sebelum memuktamadkan tindakan selanjutnya bagi menempatkan mangsa, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri.

Beliau berkata maklumat yang diterimanya setakat tengah hari tadi menyatakan kesemua mangsa masih mendapatkan rawatan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) dan pihaknya belum menerima sebarang laporan daripada polis mengenai kes terbabit.

“Apa-apa keputusan daripada laporan polis dan hospital akan menentukan sama ada mangsa perlu ditempatkan di rumah perlindungan atau tidak kerana dalam kes ini mereka masih ada ibu,” katanya selepas Program Kasih Ramadan YKN di Kuching hari ini.

Nancy berkata pegawai JKM di kawasan itu mengambil langkah segera dengan membawa ketiga-tiga mangsa ke hospital untuk menerima rawatan.

Semalam media melaporkan tiga beradik lelaki itu ditemukan penduduk kampung dalam keadaan lemah dengan dua daripada mereka kaki masih berantai di tepi sebuah titi, di Jalan Kampung Tambun Tulang, Simpang Empat.

Ketua Polis Daerah Kangar ACP Yusharifuddin Mohd Yusop berkata mangsa berusia 13 hingga 16 tahun dengan dua daripada remaja tersebut merupakan orang kurang upaya (OKU) yang memiliki kad OKU masalah pendengaran dan pembelajaran.

Susulan itu polis menahan seorang wanita berusia 46 tahun dipercayai ibu mangsa dan seorang lelaki berusia 31 tahun bagi membantu siasatan.

Terdahulu Nancy yang juga merupakan Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara menyerahkan sumbangan berupa pakaian sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri kepada 180 penerima golongan asnaf daripada 40 sekolah di Parlimen Santubong.

Program tanggungjawab sosial korporat berkenaan ialah kerjasama bersama Alliance Islamic Bank melibatkan tajaan sumbangan pakaian perayaan berjumlah RM27,000. – Bernama, 26 Mac, 2023.

JKM AMBIL TINDAKAN AWAL BANTU REMAJA JAGA IBU TERLANTAR SAKIT

<https://tvstv.my/2023/03/26/jkm-ambil-tindakan-awal-bantu-remaja-jaga-ibu-terlantar-sakit/>

Sumber : TVSTV



LUNDU, 26 Mac: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor sudah mengambil langkah awal untuk membantu remaja berusia 13 tahun dan ibunya yang terlantar sakit di Gombak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, remaja tersebut dan ibunya telah dibawa ke hospital terdekat bagi menjalani pemeriksaan kesihatan.

“Ia susulan terdapat maklumat yang mendakwa remaja terbabit turut menjadi mangsa kepada gangguan seksual. Jadi sebab itu kita telah bawa mereka ke hospital dan kita tidak akan biarkan mereka tinggal di rumah itu lagi kerana ada orang-orang tertentu pergi ke rumah tersebut untuk mengganggu mereka.

“Saya juga difahamkan semalam salah seorang daripada dalang tersebut telah ditahan oleh pihak polis, namun secara rasminya kalau sudah dapat laporan saya akan keluarkan kenyataan,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri Program Kasih Ramadan di Pasaraya Parkway di sini, hari ini.

Beliau berkata, JKM akan membantu kedua beranak tersebut untuk ditempatkan di pusat perlindungan sementara mengikut keperluan masing-masing selepas proses pemeriksaan kesihatan keduanya selesai.

Katanya, ibu remaja terbabit akan ditempatkan di Pusat Perlindungan Orang Dewasa manakala remaja tersebut akan ditempatkan di Pusat Penjagaan Kanak-kanak.

“Mereka tidak dapat bercampur dan kanak-kanak itu difahamkan telah menjadi mangsa gangguan seksual, jadi sebab itu prosedurnya berbeza dengan ibunya.

“Ibunya terlantar sakit dan sudah berusia maka diletakkan ditempat lain dan perlindungan akan diberikan kepada kedua-dua mereka,” katanya.

Pada Rabu lalu, media melaporkan seorang remaja berusia 13 tahun di Gombak, Selangor yang terpaksa menjaga ibunya yang terlantar sakit selepas disahkan mengidap kanser tahap empat. –
TVS

HANYA DUA DARIPADA TIGA MANGSA DERA DI PERLIS BERSEKOLAH – FADHLINA

<https://malysiagazette.com/2023/03/26/hanya-dua-daripada-tiga-mangsa-dera-di-perlis-bersekolah-fadhlina/>

Sumber : Malaysia Gazette



BUKIT MERTAJAM – Dua daripada tiga beradik yang menjadi mangsa dera ibu mereka di Jalan Kampung Tambun Tulang, Simpang Empat, Perlis didapati mempunyai rekod persekolahan.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, hasil penelitian pihaknya mendapati hanya seorang daripada tiga beradik itu tercicir dalam persekolahan.

“Hasil semakan kita mendapati dua daripada mangsa dera itu mempunyai rekod hadir ke sekolah di Perlis namun siasatan lanjut masih dijalankan.



Fadhlina.

“Kes tiga beradik berusia 13 hingga 16 tahun itu merentasi pelbagai kementerian, jadi kita serahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kementerian lain sebelum urusan pendidikan diambil alih oleh Kementerian Pendidikan (KPM).

“Kita akan pastikan perkembangan ketiga-tiga anak ini (mangsa dera) diambil perhatian sepenuhnya oleh KPM memandangkan mereka sudah ditempatkan di institusi jagaan,” katanya pada pemberita di sini, hari ini.

Difahamkan, hanya remaja lelaki berusia 16 dan 14 tahun mempunyai rekod persekolahan manakala adik bongsu mereka dikatakan sudah tidak bersekolah sejak berusia 11 tahun.

Terdahulu, Fadhlina menghadiri Majlis Penyerahan Projek ‘Smart Classroom’ di Sekolah Kebangsaan Mengkuang di Bukit Mertajam di sini.

Hadir sama, Presiden Yayasan AEON Malaysia, Datin Noryahwati Mohamad Noh; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Didik Negara, Hardian Hadir; Ketua Pengarah KPM, Datuk Pkharuddin Ghazali dan Pengarah Pendidikan Pulau Pinang, Abdul Rashid Abdul Samad.

ARTIKEL BERKAITAN

TIGA BERADIK DIPERCAYAI DIDERA, DUA DIRANTAI DI KAKI

Semalam media tempatan melaporkan, tiga beradik berusia 13 hingga 16 tahun ditemui orang awam dalam keadaan kaki masih berantai di tepi Jalan Kampung Tambun Tulang, Simpang Empat, Perlis.

Ketika ditemui, dua daripada mangsa dirantai bersama di bahagian kaki, manakala seorang lagi tidak dirantai.

Hasil semakan polis seterusnya mendapati dua daripada mangsa memiliki kad Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pendengaran dan pembelajaran.

Kesemua mangsa yang menerima rawatan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) kini dilaporkan berada dalam keadaan stabil. – MalaysiaGazette

WARGA ASING CABUL REMAJA, SEMPAT BERI WANG RM50

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/26/warga-asing-peluk-cabul-kanak-kanak-dalam-bilik-mangsa-ditahan/>

Sumber : Kosmo



AMPANG JAYA – Seorang lelaki asing diberkas berhubung kes cabul membabitkan seorang remaja perempuan rakyat tempatan di rumahnya di daerah ini semalam.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, kejadian berlaku pada pukul 7 pagi, Disember lalu ketika suspek yang juga penjual surat khabar datang ke rumah mangsa.

Katanya, mangsa berusia 13 tahun hanya mengenali suspek sebagai jurujual. Suspek kemudian mengekori remaja itu ke biliknya.

“Suspek kemudian memegang badan, kedua-dua lengan dan memeluk mangsa.

“Selepas itu, mangsa diberikan wang RM50 sebagai ganjaran daripada suspek,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Mohamad Farouk, laporan mangsa diterima pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setelah remaja itu membuat pengakuan kepada pegawai pukul 10.10 pagi semalam

Bertindak di atas maklumat, polis menangkap suspek warga India berusia 32 tahun di tepi Jalan Air Jernih, Setapak, Kuala Lumpur pada pukul 5.20 petang, semalam

Jelasnya, permohonan reman dibenarkan selama tujuh hari bermula hari ini.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 kerana dengan sengaja melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak,” ujarnya. -KOSMO! ONLINE.

KANAK-KANAK LELAKI CEDERA TERSEKIT PINTU LIF

<https://www.sinarharian.com.my/article/251533/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-cedera-tersekit-pintu-lif>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Seorang kanak-kanak lelaki terpaksa menanggung kesakitan hampir 20 minit akibat tersekit pada pintu lif dalam kejadian di sebuah blok Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hicom, Seksyen 26 di sini pada petang Ahad.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Morni Mamat berkata, pihaknya menerima panggilan berkaitan kejadian pada jam 7.20 petang.

Menurutnya, sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam dikejarkan ke lokasi kejadian dan tiba pada jam 7.30 petang.

"Kejadian melibatkan lif dinaiki lima individu termasuk mangsa berumur setahun enam bulan yang dalam perjalanan turun dari tingkat enam.

"Lif tersebut bagaimanapun tersangkut di tingkat empat dan pada masa mangsa telah terjatuh lalu tersekit di bahagian lubang antara pintu lif dan dinding bangunan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, mangsa yang tersekit kemudiannya dikeluarkan oleh anggota bomba terlibat dengan menggunakan peralatan khas dalam tempoh lima minit.

"Mangsa yang mengalami kecederaan di bahagian kepala kemudian dikejarkan ke Hospital KPJ Shah Alam untuk rawatan selanjutnya," katanya.

Dalam pada itu, Morni berkata, empat lagi mangsa lain yang terperangkap dalam lif tersebut turut berjaya dikeluarkan.

"Selain kanak-kanak tersebut, empat lagi mangsa terlibat adalah seorang lelaki dan tiga perempuan.

"Empat lagi mangsa bagaimanapun tidak mengalami sebarang kecederaan," ujarnya.

‘ADIK TAK PERNAH PUKUL’, DAKWA KAKAK WANITA RANTAI 2 ANAK OKU

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/26/adik-tak-pernah-pukul-dakwa-kakak-wanita-rantai-2-anak-oku/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Wanita dipercayai merantai dua anaknya di sebuah rumah di Kampung Lat 1000, Simpang Empat, Kangar, dikatakan bukan seorang pendera, selain tidak pernah memukul anaknya.

Kakak wanita itu, Hamiah Osman, 70, berkata adiknya tidak pernah memukul anak-anaknya, selain sangat jarang memarahi mereka.

“Adik saya tidak pernah pukul anak dan jarang sekali dia memarahi mereka cuma adakalanya dia terpaksa meninggikan suaranya kerana anak-anak agak nakal dan terpaksa ditegur.

“Anak-anaknya sukar dikawal tingkah laku sehinggakan mereka sering ditemui berkeliaran di sekitar kampung ini,” katanya menurut Berita Harian.

Hamiah yang menetap bersebelahan rumah adiknya itu, berkata adiknya yang bekerja sebagai 'cleaner' (pekerja pembersihan) di sebuah institusi pendidikan di Kangar "terpaksa merantai" semua anaknya bagi mengelak mereka merayau.

Katanya, adiknya bukan tidak mahu menghantar dua anaknya yang juga orang kurang upaya (OKU) masalah pembelajaran dan pendengaran ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), tetapi disebabkan khawatir anaknya dibuli.

Suami Hamiah, Bahari Man, 74, pula menggambarkan anak saudaranya sebagai nakal sehingga menjadikan rumah didiami mereka tunggang langgang.

"Lihat sahaja pada besi jeriji tingkap rumah berkenaan yang patah selain jendela yang rosak tanpa tingkap," katanya.

Katanya, mereka juga bimbang terhadap keselamatan apabila anak-anak itu merayau memandangkan kawasan persekitaran kampung terdapat sungai, selain khawatir mereka mengalami kemalangan.

Sementara itu, Ketua Polis Kangar Yusharifuddin Mohd Yusop, berkata siasatan awal mendapati tiada kesan penderaan berlaku pada remaja berkenaan.

WARGA EMAS MAHU TEBUS MERCEDES BENZ RUGI HAMPIR RM40,000

<https://www.sinarharian.com.my/article/251444/berita/semasa/warga-emas-mahu-tebus-mercedes-benz-rugi-hampir-rm40000>

Sumber : Sinar Harian



KUANTAN - Akibat percaya dengan janji manis dan pemberian hadiah mewah daripada seorang kenalan yang baru kenali kononnya dari United Kingdom, seorang warga emas di Raub kerugian RM39,750 selepas diperdaya sindiket penipuan Love Scam.

Wanita berusia 75 tahun itu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Raub, pada Sabtu selepas menyedari dirinya ditipu apabila tidak menerima hadiah yang didakwa dikirimkan oleh kenalan yang dikenali melalui aplikasi WhatsApp, awal Februari lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, suspek mengatakan akan menghadihkan mangsa sebuah kereta jenis Mercedes Benz dan wang tunai ASD150,000.

"Selepas itu, mangsa menerima panggilan yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai Kastam dan memaklumkan bungkusan yang dikirimkan sudah terima di Malaysia dan diminta untuk membuat bayaran cukai.

"Mangsa kemudian membuat enam kali pindahan wang ke enam akaun bank berlainan sehingga mengalami kerugian sebanyak RM39,750," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Sehubungan itu, Ramli menasihatkan agar masyarakat sentiasa berhati-hati dan tidak mudah percaya dengan individu yang tidak dikenali di media sosial.

"Pihak polis juga mengingatkan supaya orang ramai tidak menyewa atau memberikan akaun bank peribadi kepada ahli sindiket.

"Jika dapati bersubahat dengan ahli sindiket, pemilik akaun boleh dituduh di mahkamah jenayah dan mungkin akan dihadapkan dengan tuntutan sivil," kata beliau.

WARGA EMAS DERITA KANSER PAYU DARA TAHAP EMPAT

<https://www.utusan.com.my/terkini/2023/03/warga-emas-derita-kanser-payu-dara-tahap-empat/>

Sumber : Utusan



ALOR SETAR: Ramadan kali ini begitu menduga untuk Rahmah Jaafar, 74, dari Simpang Kuala di sini yang hanya mampu terbaring lemah akibat kanser payu dara tahap empat dialaminya sejak tahun lepas. Tidak seperti bulan puasa tahun lalu, Rahmah masih sihat malah mampu berpuasa penuh namun kini keadaan kesihatannya semakin memburuk dan kerap diserang sawan. Lebih mengharukan, pada usia yang lanjut...

WARGA EMAS MAUT DITIKAM, PERGADUHAN DI INAP DESA

<https://www.edisi9.com.my/2023/03/warga-emas-maut-ditikam-pergaduhan-di-inap-desa/>

Sumber : Edisi 9

SEORANG lelaki warga emas ditemui maut dipercayai ditikam dalam pergaduhan di sebuah inap desa di Jalan Pinang, Taman Kota, dekat Kulai, petang semalam.

Ketua Polis Daerah Kulai Tok Beng Yeow berkata, pihaknya menerima laporan pada 3.55 petang sebelum bergegas ke tempat kejadian dan menemui mangsa yang berusia 78 tahun itu dalam keadaan terbaring dengan beberapa kesan kecederaan.

“Pemeriksaan awal pada tubuh si mati mendapati terdapat kecederaan akibat ditikam di bahagian perut.

“Hasil siasatan dipercayai seorang lelaki (suspek) telah mengamuk dan bertindak menikam mangsa menggunakan sebilah pisau. Punca kejadian masih disiasat,”katanya dalam kenyataan hari ini.

“Polis turut mengambil rakaman litar tertutup di inap desa berkenaan bagi membantu siasatan. Suspek mempunyai dua rekod jenayah lampau termasuk penyalahgunaan dadah dan dia juga dipercayai di bawah pengaruh alkohol,” katanya.

Menurutnya, suspek direman selama tujuh hari mulai hari ini sehingga 14 Mac dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan. – BERNAMA

JUAL MINYAK WANGI DI KAKI LIMA DEMI MENYARA TUJUH ANAK

<https://www.buletintv3.my/nasional/jual-minyak-wangi-di-kaki-lima-demi-menyara-tujuh-anak/>

Sumber : Buletin TV9



KUALA TERENGGANU: Seorang ibu tunggal mengenepikan rasa malu berniaga minyak wangi di kaki lima sebuah bank di Bandar Kuala Terengganu, demi menyara tujuh orang anak termasuk seorang anak kurang upaya (OKU) kategori lembam.

Junaidah Muda, 43 tahun, mula berniaga di kakil lima sejak lima tahun lalu selepas suaminya meninggal dunia akibat kencing manis dan masalah jantung.

Menetap di Kampung Tok Ku, Kuala Terengganu, Junaidah menunggang motosikal ke lokasi dia berniaga ditemani anak bongsunya yang berusia lapan tahun.

Wanita cekal ini mula berniaga selepas Maghrib dan pulang sekitar jam 11.00 malam.



Ada juga dia diuji dengan motorsikal rosak di tengah jalan ketika dalam perjalanan untuk berniaga.

Minyak Wangi

Jam 8.00 malam, Junaidah mula menyusun minyak wangi di atas lantai.

Setiap malam, purata jualan adalah sebanyak lima ke 10 botol berjaya dijual dengan harga RM5.00 sebotol.

Namun semua hasil jualan habis dibelanja untuk keperluan harian anak-anaknya.

Jelas Junaidah, sepanjang lima tahun berniaga di situ pelbagai dugaan dihadapi termasuk diganggu penagih dadah dan orang gila.

Menjadi kuat kerana anak

Junaidah tabahkan hati demi mencari rezeki yang halal bagi menyara anak-anaknya

Walaupun sukar, dia tidak sanggup mengemis meminta simpati orang ramai.



“Saya berkorban segala-galanya demi anak-anak. Kerana anaklah saya kuat untuk mencari rezeki. Biarlah apa orang nak kata asalkan anak-anak saya makan dan pakai mereka cukup walaupun kadang kala terpaksa ikat perut. Saya juga tidak malu berniaga di kaki lima, di sinilah rezeki saya. Nak buka kedai tiada modal.

“Dulu saya buat kuih dan hantar ke kedai makan, tapi ada beberapa kedai tidak izinkan saya meletak kuih di atas meja. Kuih-muih banyak yang tidak habis dan dibuang,” ujarnya.

Sementara itu, pegawai Majlis Agama dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Mohd Amizan Abdul Rahman yang turun padang ke lokasi Junaidah berniaga berkata pihaknya ada memberi bantuan bulanan sebanyak RM500 dan mempertimbangkan untuk memberi bantuan yang lain.

“Kita akan bagilah bantuan yang selanjutnya seperti bantuan modal pusingan untuk dia berniaga secara kecil kecilan berniaga minyak wangi dan sempena bulan puasa ini kita telah beri bantuan sempena Ramadan persiapan menghadapi Ramadan dan sedikit perbelanjaan hari rayasebanyak RM700 kepada Puan Junaidah.”

Junaidah tidak dapat menahan sebak sebelum sujud syukur selepas menerima bantuan itu.

IKAT PERUT, PECAH TABUNG BELI KELENGKAPAN SEKOLAH ANAK [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/949789/ikat-perut-pecah-tabung-beli-kelengkapan-sekolah-anak-metrotv>

Sumber : Harian Metro



Melaka: "Syukur selama arwah suami sakit dan selepas tiga tahun meninggal dunia pun, sahabat sentiasa menolong saya walaupun tidak minta. Dalam bulan puasa ini juga ada rakan hantar lauk-pauk untuk saya dan anak-anak," kata ibu tunggal, Soboh Darmi Wasrin,42, dari Taman Peringgit Jaya, di sini.

Menurutnya, mereka enam beranak kini hanya bergantung kepada pencen ilat arwah suami, Ramli Ismail berjumlah RM1,800 sebulan sejak tiga tahun lalu serta ihsan rakan dan jiran tetangga untuk menyara kehidupan.

Soboh Darmi berkata, walaupun anak-anaknya turut mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah RM500 sebulan, namun ia belum mencukupi.

Katanya, sejak kematian suami akibat penyakit angin ahmar pada 12 Mac 2020, mereka terpaksa berjimat cermat.

"Saya tidak dapat bekerja kerana undang-undang Malaysia tidak membenarkan dan sejak itu hanya bergantung kepada pencen bulanan daripada Perkeso (Pertubuhan Keselamatan Sosial) dan ihsan kawan-kawan yang simpati," katanya ketika ditemui di sini.

Soboh Darmi yang berasal dari Jakarta, Indonesia dan belum memperoleh status Penduduk Tetap (PR) berkata, walaupun susah, dia sentiasa ingat pesanan arwah suaminya supaya memastikan pendidikan sempurna buat anak-anak dan cucunya.

"Sebab itu saya sanggup gunakan duit syiling dari tabung anak untuk beli kelengkapan sekolah walaupun pada waktu itu barang dapur juga semakin berkurangan.

"Saya utamakan untuk anak-anak sekolah dulu, makan itu boleh 'adjust' lagi, tidak semestinya makan yang sedap-sedap.

"Tahun ini perbelanjaan persekolahan tiga anak serta seorang cucu berusia 21 hingga 10 tahun tinggi mencecah RM2,000, mujur ada rakan menolong termasuk untuk yuran," katanya sebab ketika ditanya jika pernah terputus makanan.

Orang ramai yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian melalui akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) di nombor 0440141100005366 atas nama Soboh Darmi Wasrin.